



SOALAN

Bilakah kita hendak menggunakan *hingga* dan *sehingga*?

Oleh : Siti (P6, Sekolah Rendah Senq Kang)



JAWAPAN

Ramai orang menganggap bahawa kekata *hingga* dan *sehingga* sama saja penggunaannya. Dalam buku Tatabahasa Dewan tidak diterapkan kekata 'sehingga'. Sementara Buku Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia menyertakan awalan se di dalam kurungan, (se)hingga. Ini bermakna, kekata 'hingga' itu boleh digunakan atau dilupakan.

Walau bagaimana pun, kekata *hingga* mahupun *sehingga* boleh digunakan sebagai kata sendi nama dan kata hubung.

1) Sebagai kata Sendi Nama :

Hingga digunakan untuk menyatakan had tertentu. Had tersebut boleh bermaksud masa atau tempat.

- Abang mengulang kaji pelajarannya *hingga* jam dua pagi.
- Majlis Kahwin itu berlangsung dari pukul sebelas pagi *hingga* lima petang.
- Pelumba itu terus berlari *hingga* garisan penamat.
- Dia akan terus belajar *hingga* peringkat universiti.

2) Sebagai Kata Hubung:

Hingga digunakan untuk menyatakan pengakibatan.

- Mereka terus bekerja *hingga* keletihan.
- Dia tidak dibenarkan pulang *hingga* selesai pekerjaannya.
- Peminat bola sepak itu bersorak-sorak *hingga* serak suaranya.
- Pemain badminton itu bertungkus lumus *hingga* perlawanan berakhir.